

# Kebebasan kehakiman tidak mutlak

BH - 6 APR 1994

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan tidak akan memberi kebebasan mutlak kepada institusi kehakiman negara bagi memastikan keadilan kepada semua pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan, walaupun kebebasan memang baik dalam amalan pentadbiran, ia tidak semestinya 100 peratus kerana jika diberi kebebasan penuh, mungkin seseorang itu melakukan perkara tidak betul.

Sekiranya keadaan itu berlaku, kata Perdana Menteri, bidang kehakiman negara akan berada pada satu tahap yang tidak sepatutnya.

"Jika anda bebas tanpa boleh ditegur, anda mungkin hilang pertimbangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

"Contohnya jika seorang hakim diberi kebebasan sepenuhnya dan tiada seorang pun boleh menegur apa yang dilakukannya, ia boleh melakukan sesuatu yang tidak adil kepada orang lain.

"Oleh itu, kebebasan mesti ada had dan tidak keterlaluan. Memang tidak dinafikan adanya hakim yang gagal dalam melaksanakan tanggungjawabnya secara adil," katanya berucap di majlis dialog Perdana Menteri Bersama Pegawai Kehakiman dan Perundangan di sini, hari ini.

Dialog dua hari itu bertemakan Paradigma Pentadbiran Perundangan Malaysia: Cabaran Masakini Dan Akan Datang Ke Arah Kecemerlangan.

Turut hadir ialah Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar; Hakim Besar Malaya, Tan Sri Gunn Chit Tuan; Peguam Negara, Datuk Mohtar Abdullah dan Peguamcara Negara, Heliliah Mohd Yusof.

Dr Mahathir berkata, tiga institusi yang menjadi tonggak pemerintahan iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman, perlu dikendalikan secara bebas tetapi mesti saling bekerjasama.

Ini, katanya, bertujuan mewujudkan kestabilan dan pembangunan selaras mat-

lamat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 kerana ketiga-tiga cabang itu mempunyai tanggungjawab sama penting.

"Institusi itu mestilah diberi kebebasan secara bertanggungjawab yang tidak keterlaluan sehingga menyimpang daripada matlamat sebenar. Mereka mesti tahu tanggungjawab masing-masing serta menjalankan kuasa mengikut apa yang ada pada mereka," katanya.

Beliau berkata, Malaysia memerlukan pentadbir kerajaan yang berkemahiran tinggi untuk mencapai hasrat Wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, langkah terbaik menangani kemungkinan itu ialah dengan memahami apa sepatutnya yang mesti dilakukan.

"Saya yakin semua pegawai dalam perkhidmatan perundangan faham mengenai fungsi masing-masing. Sebagai pegawai kerajaan, mereka bertanggungjawab mempertahankan kerajaan serta mewujudkan keadilan," katanya.